

Turut jalin kerjasama dengan Asia e-Universiti galak pembelajaran jarak jauh

# UMS hab pendidikan antarabangsa

Oleh **SITTI NOR AZIZAH TALATA**  
utusansabah@utusan.com.my

**KOTA KINABALU** 26 Julai - Kemasukan ramai penuntut luar negara ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu menjadikannya sebagai hab pendidikan antarabangsa di negara ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Kamaruzaman Ampon berkata, UMS sememangnya berhasrat untuk menarik lebih ramai penuntut luar untuk mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu.

“Pertambahan bilangan penuntut asing yang ramai secara tidak langsung mampu mempromosikan usaha UMS sebagai hab pendidikan serta memberi manfaat kepada negeri Sabah,” katanya.

Beliau berucap pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) di antara UMS dan Asia e-Universiti (Aeu) di Galeri Majlis, Bangunan Canselori UMS di sini, baru-baru ini.

Dalam majlis itu, Prof. Kamaruzaman mewakili UMS manakala Aeu diwakili Ketua Pegawai Eksekutif-

nya, Prof. Datuk Dr. Ansary Ahmed. Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr. Yee Moh Chai.

Prof. Kamaruzaman berkata, perjanjian itu melambangkan kepentingan dan penyertaan UMS dalam projek pintu masuk atau lebih dikenali EPP 6 bidang utama ekonomi negara (NKEA) di bawah Program Transformasi Negara (GTP).

Katanya, kerajaan telah melantik Aeu bagi menjalankan EPP 6 melalui kerjasama dengan institusi pengajian tinggi di negara ini, bertujuan menggalakkan pembelajaran jarak jauh.

Menurutnya, di bawah inisiatif itu, setiap institusi pengajian tinggi perlu mengenal pasti dan membangunkan dua program pembelajaran jarak jauh (ODL) dalam talian pada akhir 2011.

“Kita gembira dapat bekerjasama dengan Aeu dalam perkongsian pintar dalam mengukuhkan lagi program sarjana pasca siswazah UMS serta mendekati potensi pelajar antarabangsa,” ujarnya.

Beliau menambah, pihaknya juga mengalu-alukan usaha Aeu mempromosikan ODL UMS dalam talian

serta menyediakan teknikal dan kepakaran mengendalikan kuliah secara dalam talian.

Jelasnya, UMS bukan sahaja memainkan peranan penting dalam menghasilkan sumber manusia yang kompeten, tetapi juga bertujuan untuk meletakkannya sebagai salah satu universiti utama di negara ini.

“Sebagai permulaan kerjasama antara UMS dan Aeu, kita telah memilih dua program sarjana pasca siswazah sebagai program ODL di bawah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial,” katanya.